

03 NOV 2002

Abdullah-pengundi

BN BERI MAKLUMAT KEPADA SPR MENGENAI 2.8 JUTA PENGUNDI DIDAFTAR DI LUAR KAWASAN SEBENAR

KLANG, 3 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Barisan Nasional akan mengemukakan kepada Suruhanjaya Pilihanraya, fakta dan maklumat mengenai 2.8 juta pengundi yang didaftarkan di kawasan luar dari tempat memilih masing-masing, untuk tindakan sebelum pilihan raya umum akan datang.

Timbalan Perdana Menteri berkata Jabatan Pendaftaran Negara akan diminta memberi kerjasama dalam memastikan senarai pengundi itu mengandungi nama mereka yang layak untuk mengundi di kawasan yang sepatutnya.

"Kita (BN) tidak boleh membuat pembetulan mengenai perkara itu sendiri. Kita harap SPR dapat membantu dan membersihkan senarai itu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan bilik pameran dan kereta jenama Skoda buatan Republik Czech di sini hari ini.

Abdullah berkata apa yang penting ialah kerajaan mahu pengundi terdiri daripada mereka yang datang dari kawasan sebenar dan bukannya dari kawasan yang tidak ada kena mengena dengan tempat itu.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa terdapat 2.8 juta pengundi di negara ini yang didaftarkan untuk mengundi di kawasan yang tiada kena mengena dengan mereka.

Abdullah berkata golongan itu bukannya terdiri penduduk asal kampung atau kawasan itu tetapi terdiri daripada mereka yang didaftarkan dari luar, dengan berkumpul dalam satu alamat dengan mempunyai niat lain.

"Nak undi-undilah di kawasan masing-masing ataupun di mana mereka tinggal (seperti) di kampung halaman, dilahirkan, (di kawasan) tempat bekerja dan sebagainya. Sekiranya tidak, ia boleh mengakibatkan tuduhan-tuduhan yang tidak sihat yang menimbulkan kecurigaan terhadap integriti daftar pengundi dan pengundi itu sendiri," katanya.

Kepada satu soalan mengenai perkara lain, Abdullah berkata penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik yang akan bermula tahun depan tidak akan menjejaskan sekolah kebangsaan atau orang Melayu sendiri.

"Mungkin wujud sedikit kebimbangan pada peringkat permulaan tetapi pada zaman moden ini, anak-anak lebih senang menerima pendidikan kerana mereka lebih cergas dari segi pemikiran dan menerima banyak rangsangan untuk belajar," katanya.

Beliau berkata rangsangan yang ada ketika ini lebih baik daripada generasi dahulu, dan mereka berada dalam persekitaran yang membolehkan mereka cepat belajar dan cepat pandai.

Abdullah berkata sistem pendidikan yang ada adalah sistem yang memberi ilmu pengetahuan dalam segala bidang untuk memajukan insan agar dia dapat membuat bakti kepada agama, negara dan bangsa.

Beliau berkata cara untuk menarik kaum lain untuk menyertai sekolah kebangsaan ialah dengan mempertingkatkan keberkesanan pengajaran, menyediakan guru-guru bermutu, serta meningkatkan tahap profesionalisme dan peluang secukupnya untuk belajar.

Mengenai jemputan terbuka oleh Perdana Menteri kepada parti pembangkang menyertai Barisan Nasional untuk sama-sama membangunkan negara dan menghadapi musuh luar, Abdullah berkata cadangan itu adalah ikhlas daripada Perdana Menteri.

"Ini boleh meluaskan lagi pakatan kita. Terserah untuk mereka menilai sendiri. Kita tidak terjejas sekiranya jemputan itu tidak disambut mereka,"

katanya.

-- BERNAMA
SHS MAI